

28/10/1998

Malaysia rancang buat helikopter

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia merancang untuk mengeluarkan helikopter buatan tempatan dalam tempoh jangka panjang menerusi usaha sama dengan syarikat pengeluar asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, usaha mewujudkan sebuah industri pengeluaran helikopter tempatan sudah tentunya mengambil tempoh yang lama.

"Mungkin satu hari nanti (kita akan keluarkan helikopter sendiri). Tetapi kita kena mula secara kecil-kecilan.

"Kita akan cuba dapat teknologi dari negara asing, dan tiap kali kita beli helikopter kita minta program offset supaya kita boleh dapat sesuatu teknologi," katanya selepas merasmikan pameran Heli-Asia 98, di sini hari ini.

Lebih 100 syarikat awam dan ketenteraan dari 35 negara menyertai acara tiga hari itu, yang dianjurkan Shepard Conferences & Exhibitions Sdn Bhd (Shepard).

Turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Tinag Chew Peh; Pengerusi Persekutuan Persatuan Helikopter Antarabangsa, Lord Glenarthur; Ketua Eksekutif Shepard, Alexander Shepard dan Pengarah Eksekutif Shepard, Datuk M Muslim Ayob.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri meminta syarikat ternama dalam industri helikopter antarabangsa, mengkaji kemungkinan mengeluarkan produk mereka di negara ini.

Dr Mahathir berkata, tawaran itu selaras hasrat Malaysia untuk memajukan lagi industri aeroangkasa.

"Kami boleh menjanjikan sokongan asas yang diperlukan daripada segi kemahiran kejuruteraan bagi membolehkan hasrat itu menjadi kenyataan," katanya.

(END)